



Prof. Dr. Mohd Sapuan terima 'SAE Subir Chowdhury Medal of Quality Leadership'

Oleh: Noor Eszreen Juferi



DETROIT, 5 April – Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Ir. Dr. Mohd Sapuan Salit menerima "SAE Subir Chowdhury Medal of Quality Leadership" daripada Society of Automotive Engineers International (SAE International) di sini. Anugerah tersebut disampaikan semasa konferensi tahunan SAE WCX Experience di Detroit, Michigan, Amerika Syarikat pada 5-7 April 2022.

Pingat itu disampaikan oleh Presiden SAE International, Dr. Sri Srinath and Dr. Subir Chowdhury sendiri, yang merupakan Pengerusi dan CEO, ASI Consulting Group, LLC, Michigan.

Selain itu, penganugerahan SAE Subir Chowdhury Medal of Quality Leadership dianugerahkan kepada individu iaitu ahli akademik atau industri yang mempunyai kebolehan yang diiktiraf serta menyumbangkan kemahiran untuk mencapai matlamat untuk memajukan dan mempromosikan prinsip dan penerapan kualiti dalam profesion Kejuruteraan Mobiliti.

Prof. Ir. Dr. Mohd Sapuan adalah penerima pertama anugerah ini dari luar Amerika Syarikat.

Anugerah ini adalah bagi mengiktiraf beliau kerana sumbangan yang luar biasa dalam bidang penyelidikan bahan komposit dan memberikan impak dalam industri kejuruteraan mobiliti.

Prof. Ir. Dr. Mohd Sapuan berkata beliau melahirkan syukur atas penerimaan pingat tersebut. Penerima anugerah terdahulu terdiri daripada pakar dalam bidang automotif dari syarikat dan universiti terkemuka di Amerika Syarikat seperti General Motors, Dynac Corp., Caterpillar Inc., JD Power and Associates dan University of Maryland.

"Saya tidak menyangka akan mendapat pengiktirafan sebegini oleh pihak SAE International dan ini membuktikan bahawa kepakaran pensyarah UPM dan rakyat Malaysia diterima pada peringkat antarabangsa," katanya.

Katanya, beliau berharap penerimaan pingat itu akan sedikit sebanyak membantu menaikkan imej UPM dan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Sebelum ini, beliau pernah menerima "Outstanding Technical Paper Award" pada tahun 2017 daripada Society of Automotive Engineers International Malaysia (SAE International Malaysia) dan merupakan Fellow SAE yang pertama dari Malaysia yang dilantik pada tahun 2015. - UPM

Tarikh Input: 15/04/2022 | Kemaskini: 15/04/2022 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fprof_dr_mohd_sapuan_terima_sae_subir_chowdhury_medal_of_quality_leadership-66450&title=Prof.%20Dr.%20Mohd%20Sapuan%20Terima%20E2%80%98SAE%20Subir%20Chowdhury%20Medal%20Of%20Quality%20Leadership%20E2%80%99%20%20Universiti%20Putra%20Malaysia) (/facebook) (/twitter) (/linkedin) (/email) (/copy_link) (/wordpress) (/print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara
(http://bursar1.upm.edu.my/spln/)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)
(http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/
/kmportalweb/portal/
/render.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia
(https://www.moe.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi
Nasional (PTPTN)
(http://www.ptptn.gov.my/)
Multimedia Super Corridor
(https://mdcc.msc-malaysia/)
Portal myGovernment
(https://www.malaysia.gov.my/)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/
/statistik)
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/
/mengenai_kami/maklumat_korporat/
/piagam_pelanggan-8202)



✉ pspk@upm.edu.my
 TALIAN KECEMASAN
 BAHAGIAN KESELAMATAN
 UPM (24 JAM)
 03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
 03-9769 1999

(<http://zonict.upm.edu.my/>)
 Putra Learning Hub
 (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
 Sistem Pengurusan Perubatan
 (<http://regmedic.upm.edu.my/>)
 Sistem E-Claim
 (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
 i-GIMS (staf)
 (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)
 i-GIMS (pelajar pascasiswazah)
 (<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar
 prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

Agensi Kelayakan Malaysia
 (<https://www.mqa.gov.my/>)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
 Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my/>)
 Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
 UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/landing/upm>)
 Takwim UPM 2022 ([https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20220307083100TAKWIM_UPM_2022_\(KESELURUHAN\).pdf](https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20220307083100TAKWIM_UPM_2022_(KESELURUHAN).pdf))

 **UPM IR**
 (<http://www.pasir.upm.edu.my/>)

 **Student Portal SAMP**
 (<https://smp.upm.edu.my/>)

 **iGIMS Student**
 (<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)

 **eclaim**
 (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)

 **e-ISO**
 (<http://reg.upm.edu.my/eISO/>)

 **smakupm**
 (<http://emel.upm.edu.my/>)

BM ▾

Dasar Privasi ([footnote/dasar_privasi-29949](#)) Hakcipta ([footnote/hakcipta-29950](#)) RSS ([/rss](#)) Penafian ([footnote/penafian-29938](#))
 Bantuan ([footnote/bantuan-29937](#)) UPM online ([footnote/upm_online-38695](#)) Dasar Keselamatan ([footnote/dasar_keselamatan-29939](#))

© 2022 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL

Emel anda

HANTAR

 **AACSB**
 ACCREDITED

 **UKAS**
 Quality

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan